

**Rakyat Pulau Pinang berhimpun kenang Teoh
Malaysiakini.com
July 17, 2010**

Kematian Teoh Beng Hock dianggap "perkara terburuk pernah berlaku kepada DAP."

"Sebelum ini, yang terburuk dikenakan pada kita ialah ISA, atau ditahan di pusat tahanan Kamunting atau Kajang," kata ADUN DAP daripada Ayer Hitam Wong Hon Wai (kiri) dalam sambutan ulang tahun pertama kematian Teog di Speakers Square Pulau Pinang malam tadi.

"Tetapi kematian, seperti apa yang berlaku pada Teoh Beng Hock, anggota DAP dan kawan yang baik, tidak dapat dibayangkan, ia melampau dan sesuatu yang tidak boleh kita terima," kata pengarah pendidikan politik DAP itu.

"Masih belum ada keadilan untuk Teoh. Masih banyak double standard (pilih bulu) diamalkan oleh pemimpin dan institusi," tambah Wong yang juga exco kerajaan negeri yang bertanggungjawab terhadap perancangan bandar dan negeri.

"Jadi marilah kita berikrar. Kita mahu lihat pihak yang bersalah dihukum."

Selepas berucap, Wong meminta orang ramai mengangkat lilin dan menangi supaya keadilan diberikan kepada Teoh, seorang pembantu politik semasa hayatnya.

Kata-kata itu menyentuh perasaan kira-kira 100 orang yang hadir di majlis yang berlangsung tenang kira-kira sejam.

Suasana diselebungi cahaya lilin dan semangat persaudaraan orang ramai untuk Teoh dan keluarganya.'

Mereka melaungkan slogan seperti "keadilan untuk Teoh Beng Hock", "hentikan kekejaman" dan "reformasi".

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137588>